



NEGERI PERLIS

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PERLIS GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 58

26hb Mac 2015

No. 7

KANUN TANAH NEGARA

(Akta 56 tahun 1965)

No. 31.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara,
notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan
suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah-tanah yang tersebut dalam Jadual
di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Hakmilik keluaran hilang.

JADUAL

Mukim	No. Lot	Keluasan/Jenis dan No. Hakmilik	Hektar	G.M.	Resit
Kayang	3091	0.7358	2206		150226020216
Chuping	3255	0.7312	1544		150226020145
Titi Tinggi	4084	0.1527	2071		150224010265
Titi Tinggi	1993	Meter Persegi	328	G.M.	
					150223080283

WARTA KERAJAAN NEGERI PERLIS

42

[26hb Mac 2015]

Mukim	No. Lot	Keluasan/Jenis dan No. Hakmilik		Resit
		Hektar	G.M.	
Utan Aji	2516	0.4917	2772	150223050321
			P.M.	
Padang Siding	2593	0.4977	1451	150218050138
			G.M.	
Arau	5608	0.8708	3806	150217080249
Padang Pauh	290	0.4906	1042	150213040273
Sena	2479	0.1736	1936	150213040109
Arau	336	1.0049	809	150210010122
			P.M.	
Kurung Anai	5753	0.0825	1538	150210090131
			G.M.	
Paya	2516	0.7867	1506	150210010317
			P.M.	
Chuping	4103	0.3069	1810	150212090249
			G.M.	
Sanglang	5227	3.187	3763	150204050189
Sanglang	5419	3.095	4077	150127020269
Paya	1156	0.2278	1932	150127020171
Jejawi	1916	0.9071	1391	150122020154

Bertarikh 27 Februari 2015
[PTG.Ps.(R) 385/58 PT. 8 Jld. 8]

MOHAMAD FIRDAUS BIN ABDUL HAMID
Penolong Pentadbir Tanah
b.p. Pengarah Tanah dan Galian
Perlis

No. 32.

(Seksyen 187B)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN DOKUMEN HAKMILIK KELUARAN SEMENTARA YANG BARU

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 187B Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan dokumen hakmilik keluaran sementara bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Hakmilik keluaran hilang.

WARTA KERAJAAN NEGERI PERLIS

26hb Mac 2015]

43

JADUAL

Mukim	No. P.T.	Keluasan/Jenis dan No. Hakmilik		Resit
		Hektar	H.S.(M)	
Kurung Anai	2290	0.1048	3443	150223080216
Kuala Perlis	553	1.0774	347	150216050275
Kuala Perlis	554	1.1649	348	150216050275
Bertarikh 26 Februari 2015 [PTG.Ps.(R) 385/58 PT. 8 Jld. 8]		MOHAMAD FIRDAUS BIN ABDUL HAMID <i>Penolong Pentadbir Tanah Perlis</i>		

No. 33.

(Seksyen 261)

SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR DALAM SIASATAN

Kepada Mohamad Faizal bin Abdul Rahman yang beralamat di Batu 1 1/4, Repoh, 01000 Kangar, Perlis atau di 25 (MPK No. 49), Taman 20, Chupin, 01000 Kangar, Perlis penggadai dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/pajakan/pajakan kecil yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya saya telah menerima daripada pemegang gadai dalam gadaian yang tersebut suatu permohonan supaya perintah jual dikeluarkan di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara.

Dan bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan permohonan tersebut di Pejabat Tanah dan Galian, Perlis pada hari Selasa 21 April 2015 jam 10.00 pagi.

Maka oleh yang demikian, menurut perenggan 261(1)(c) Kanun Tanah Negara tuan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan tersebut dan menunjukkan sebab-sebab mengapa perintah tersebut tidak patut dibuat.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Chuping. No. Lot—2741. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 2228. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 3147/2009 (Satu hakmilik sahaja).

Bertarikh 9 Mac 2015
[PTG.Ps.(R) 1/80 F 2109(8a)]

MOHAMAD FIRDAUS BIN ABDUL HAMID
*Penolong Pentadbir Tanah
b.p. Pengarah Tanah dan Galian
Perlis*

No. 34.

(Seksyen 257 dan 263)

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Mohamad Firdaus bin Abdul Hamid, Pentadbir Tanah pada menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen 257/263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah/bahagian tanah yang tak dipecahkan/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan di dalam Jadual di bawah ini:

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu, hendaklah dengan jalan lelong awam, yang akan diadakan pada 26 Mac 2015 pada 10.30 pagi di Jabatan Tanah dan Galian Negeri Perlis; dan
 - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan ialah RM145,800.00 (Ringgit Malaysia Seratus Empat Puluh Lima Ribu Lapan Ratus Sahaja).
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada *pemegang gadaian/pemegang-gadaian pada tarikh ini ialah RM227,268.87. Nama pemegang gadaian—Malayan Banking Berhad.
3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (a) penawar memiliki, jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas—RM14,580.00 (Ringgit Malaysia Empat Belas Ribu Lima Ratus Lapan Puluh Sahaja);
 - (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
 - (c) di mana amaun harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
 - (i) maka, jumlah wang yang dinyatakan di dalam perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian dibayar; dan
 - (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah wang yang dinyatakan di dalam subperenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah wang yang kena bayar kepada pemegang gadaian;
 - (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh hari daripada tarikh jualan, iaitu, tidak lewat dari tarikh 24 Julai 2015 dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang dinyatakan; dan

WARTA KERAJAAN NEGERI PERLIS

26hb Mac 2015]

45

-
- (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucutahak dan dilupuskan dengan cara yang dinyatakan di bawah seksyen 267.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Kechor. No. Lot—2813. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 1701. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 449/2004 (Satu hakmilik sahaja).

Bertarikh 4 Februari 2015
[PTG.Ps.(R) 1/80 F 1995(22A)]

MOHAMAD FIRDAUS BIN ABDUL HAMID
Penolong Pentadbir Tanah
b.p. Pengarah Tanah dan Galian
Perlis

Hakcipta Pencetak 

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik)**.



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
CAWANGAN ALOR SETAR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA